

PENUTUP

PENUTUP

Kesimpulan.

Ringkasnya, pasaran niaga hadapan mengandungi kepentingan-kepentingan secara mikro dan makro. Dari segi mikro, ia membantu pelabur mengawal risiko perniagaan, mengurangkan kos pengeluaran dan membantu pengawalan kos pengeluaran serta membantu pengawalan harga barang-barang pengguna akhir. Dari aspek makro pula, kontrak niaga hadapan turut membantu kemasukan dana ke dalam negara bagi mengekalkan kecairan kewangan pasaran modal. Kepentingan-kepentingan ini menunjukkan bahawa niaga hadapan merupakan hajat dan keperluan dalam keadaan tertentu.

Berdasarkan hasil kajian juga, bolehlah dirumuskan bahawa kontrak niaga hadapan adalah satu urusaniaga yang tidak boleh disamakan dengan mana-mana akad penama (*al-'uqūd al-musammā*) dalam muamalat Islam. Ia berbeza dengan konsep akad jual beli dari segi subjek yang tidak wujud, tiada penyerahan barangan (pada sesetengah kontrak niaga hadapan), kewujudan unsur-unsur *gharar*, melibatkan lebih dari dua pihak berakad, urusaniaga hutang dengan hutang, kewujudan tujuan-tujuan tertentu seperti lindung nilai dan spekulasi yang berbeza dengan tujuan jual beli yang hanya menukar pemilikan. Kontrak niaga hadapan juga tidak boleh disamakan

yang tidak secara keseluruhan atau *total amount*. Barangkali *bay` al-istiṣnā`* memberikan satu bentuk alternatif yang agak hampir kepada kontrak niaga hadapan konvensional, disebabkan kelonggaran jumlah bayaran pendahuluan dan masa bayarannya. Namun begitu ia juga tidak selari dengan *bay` al-istiṣnā`* dari sudut akad dan tujuan transaksi. Nampaknya, ia adalah urusniaga baru yang perlukan kajian yang lebih mendalam pada masa akan datang untuk diterima sebagai komponen dalam sistem kewangan Islam. Walaupun urusniaga ini adalah sesuatu yang baru di sisi syarak, kita tidak boleh menetapkan hukumnya sebagai haram selagi mana tiada dalil jelas yang mengharamkannya. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, tiada dalil-dalil yang jelas menunjukkan pengharamannya. Untuk itu kita perlu berbalik kepada kaedah fiqh bahawa asas (hukum) sesuatu itu adalah harus, melainkan ada dalil yang mengharamkannya (*al-aṣl fī al-ashyā' al-ibāḥah ḥattā yadulla al-dalīl `alā al-taḥrīm*). Walaubagaimanapun, keharusannya itu mengandungi syarat-syarat yang ketat iaitu :

- i. Urusniaga dijalankan untuk tujuan melindungi nilai dan ia amat diperlukan (*ḍarūrat*) serta kepentingan melibatkan diri dalam urusniaga ini telah nyata (*maṣlahah ḍarūriyyah ḥaqīqiyah*).
- ii. Tidak semua urusniaga dalam pasaran niaga hadapan diharuskan. Hanya niaga hadapan komoditi tertentu diharuskan kerana ada keselariannya dengan syarak . Setakat kajian ini

dijalankan, kontrak niaga hadapan komoditi di KLCE adalah diharuskan selagi mana tidak melibatkan institusi riba. Kontrak niaga hadapan indeks saham mempunyai peluang untuk dimajukan jika diwujudkan saham-saham Islam terlebih dahulu, kerana kebanyakan saham di KLSE masih lagi bercampur antara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan syarak. Oleh itu, kegiatan urusniaga di KLOFFE yang berdasarkan nilai terlindung aset di pasaran tunai (KLSE) tidak dibenarkan. Kontrak niaga hadapan kadar faedah di MME dengan jelas melibatkan riba manakala kontrak niaga hadapan matawang asing juga melibatkan penanguhan pertukaran objek yang mempunyai nilai *ribawi*. Kontrak-kontrak ini secara jelas diharamkan oleh Islam kerana penglibatannya dengan institusi riba.

- iii. Perlu ada pengetahuan mendalam dan pengalaman menjadi pelabur di kalangan orang Islam untuk mengelakkan risiko kerugian dalam niaga hadapan yang tinggi.
- iv. Pengawalseliaan pihak-pihak berkuasa perlulah lebih telus, lebih ketat dan berterusan untuk mengelakkan pengaruh-pengaruh manipulasi dan penipuan.

- v. Syarikat broker perlu adil dan tidak mementingkan keuntungan individu dalam menjalankan tugas sebagai wakil penjual atau pembeli.

Saranan.

Kesimpulan di atas membawa kepada beberapa cadangan iaitu :

- i. Penyelidikan lanjut terhadap kontrak penama *bay` al-salam wa al-istiṣnā`* yang mungkin mempunyai potensi untuk menyamai niaga hadapan dari segi mekanisme transaksi.
- ii. Kajian yang mendalam perlu dijalankan terhadap beberapa instrumen muamalah yang boleh digunakan bagi menggantikan institusi riba. Kemungkinan beberapa kontrak niaga hadapan yang mempunyai kaitan dengan institusi riba diharuskan dalam Islam, jika telah wujud mekanisme alternatif yang dapat menggantikan institusi riba tersebut.
- iii. Pihak berautoriti perlu dibantu oleh semua pihak untuk memastikan bahawa sistem pasaran niaga hadapan berjalan dalam keadaan terkawal, telus dan diyakini.

- v. Syarikat broker perlu adil dan tidak mementingkan keuntungan individu dalam menjalankan tugas sebagai wakil penjual atau pembeli.

Saranan.

Kesimpulan di atas membawa kepada beberapa cadangan iaitu :

- i. Penyelidikan lanjut terhadap kontrak penama *bay' al-salam wa al-istiṣnā'* yang mungkin mempunyai potensi untuk menyamai niaga hadapan dari segi mekanisme transaksi.
- ii. Kajian yang mendalam perlu dijalankan terhadap beberapa instrumen muamalah yang boleh digunakan bagi menggantikan institusi riba. Kemungkinan beberapa kontrak niaga hadapan yang mempunyai kaitan dengan institusi riba diharuskan dalam Islam, jika telah wujud mekanisme alternatif yang dapat menggantikan institusi riba tersebut.
- iii. Pihak berautoriti perlu dibantu oleh semua pihak untuk memastikan bahawa sistem pasaran niaga hadapan berjalan dalam keadaan terkawal, telus dan diyakini.

- iv. Kajian terhadap spekulator dan pelindung nilai (*hedger*) perlu diperdalam untuk melihat perbezaan konsep kedua-duanya. Ini bertujuan mengenal pasti siapakah yang dikatakan sebagai spekulator atau pelindung nilai. Perbezaan ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan unsur-unsur spekulasi berlebihan dalam pasaran niaga hadapan. Sebagai tambahan, satu sistem kecairan alternatif perlu diwujudkan dalam pasaran bagi mengurangkan penglibatan spekulator yang bermotifkan mengambil keuntungan keterlaluan hingga mengganggu aliran semulajadi pasaran.